



37




KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH HARIAN
Aras 3 & 4, Blok E2, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 03-8884 9370
Faks : 03-8884 9315
Laman Web : www.moe.gov.my

Ruj. Kami : KPM.600-5/1/4 Jld. 8 (3)
Tarikh : 10 Januari 2019

Semua Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri

YBhg. Datuk/Tuan/Puan,



MAKLUMAN KEMPEN GURU PEMBELAJARAN ABAD KE-21 (PAK21)
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan (PADU) bersama-sama Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH) telah melancarkan Kempen Guru PAK21 pada 21 Disember 2018 yang dirasmikan oleh YB Dr. Maszlee Malik, Menteri Pendidikan Malaysia. Kempen ini bertujuan untuk mengenal pasti dan mengiktiraf amalan terbaik guru-guru yang telah berusaha dengan gigih dalam mencuba pelbagai kaedah untuk membangunkan minat dan kemahiran abad ke-21 murid untuk menempuh cabaran masa hadapan.

3. Kempen Guru PAK21 ini terbuka secara eksklusif kepada semua guru KPM. Maklumat dan syarat penyertaan boleh dimuat turun melalui www.gurupak21.com dan media sosial facebook <http://www.facebook.com/kempengurupak21/>.


4. Sehubungan dengan itu, pihak YBhg.Datuk/Tuan/Puan dimohon untuk memanjangkan isi kandungan surat ini dan menghebahkan berkenaan kempen ini kepada semua guru dalam kawalan pihak YBhg.Datuk/Tuan/Puan. Di samping itu, YBhg. Datuk/Tuan/Puan juga diharapkan dapat menggalakkan penyertaan guru-guru dalam kempen ini.

Kerjasama dan perhatian YBhg. Datuk/Tuan/Puan mengenai perkara ini amat dihargai dan didahului dengan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


MOHD JAMIL BIN MOHAMED
Pengarah
Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
Kementerian Pendidikan Malaysia